

01/04/1997

Orang Melayu pinggir bahasa sendiri: Hassan

Salbiah Ani

ORANG Melayu negara ini jika tidak berhati-hati akan dipisahkan daripada kemajuan negeri oleh bahasa Inggeris, sebagaimana yang terjadi di zaman penjajahan dulu.

Bekas Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Datuk Hassan Ahmad, yang juga bekas Duta Malaysia Ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), berkata keadaan itu boleh berlaku lagi jika bahasa Inggeris menggantikan bahasa Melayu sebagai bahasa kemajuan di negara ini.

"Orang Melayu mesti membetulkan kelakuan, sikap mahupun tanggapan dan semangat mereka terhadap bahasa Melayu," katanya dalam ucapan pada majlis Syarahan Raja Ali Haji Ketujuh yang berlangsung di Balai Budaya Tun Syed Nasir, DBP, Sabtu lalu.

Syarahan bertema Dasar Bahasa Kebangsaan dan Cabarannya dianjurkan oleh Persatuan Linguistik Malaysia (PLM) dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan DBP.

Beliau yang kini Pengerusi Eksekutif yayasan Karyawan mengingatkan orang Melayu agar tidak menuduh orang lain, atau faktor globalisme sebagai penyebab, kerana segala masalah yang berbangkit berhubung bahasa Melayu berpunca daripada orang Melayu sendiri.

"Orang Melayu sendiri yang mencabar dan mengancam kedudukan bahasa Melayu dan bukannya undang-undang bahasa negara ini atau bahasa Inggeris, mahupun `musuh' bahasa Melayu," tegasnya.

Hassan berkata, orang Melayu sendiri yang menyatakan bahasa Inggeris itu lebih penting daripada bahasa Melayu sebagai bahasa kemajuan, lalu orang lain yang memang berpandangan seorang terhadap bahasa Melayu dengan senang hati menyokong pandangan itu.

"Orang Melayu yang berkuasalah yang meminggirkan bahasa Melayu daripada rancangan pembangunan negara ini, maka orang lain mengiak dan mengikut keputusan kita.

"Orang Melayu yang berkuasalah yang tidak mahu lagi menyokong rancangan pembinaan kepustakaan bahasa Melayu. Orang Melayulah yang tidak pandai dan tidak cekap menggunakan segala peluang, kemudahan dan sokongan yang telah diberikan oleh kerajaan untuk memajukan kepustakaan bahasa Melayu," jelasnya.

Jumlah orang Melayu dalam golongan sarjana, cendekiawan dan ilmuan, katanya, sudah cukup banyak untuk membantu membina kepustakaan Melayu, tetapi beliau difahamkan masih ramai belum mampu menghasilkan karya ilmu, baik karya sains dan teknologi, mahupun sains kemasyarakatan dalam bahasa Melayu.

Hassan berkata, cendekiawan Melayu perlu bersedia menjawab jikalau pemimpin Melayu seperti Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan bertanya: Apakah yang anda sekalian buat untuk menghasilkan buku sains dan teknologi yang banyak dan bermutu dalam bahasa Melayu?

"Sebagai kelompok yang sedar mengenai hakikat bahasa Melayu semakin terpinggir dan sering melaungkannya agar pihak berkuasa menyedarinya, maka mereka juga perlu membantu kerajaan menyediakan infrastruktur bahan bacaan dalam bahasa Melayu," ujarinya.

Beliau turut menyarankan agar pemimpin Melayu yang prihatin, anggota Umno yang masih bersemangat kebangsaan, badan budaya, bahasa dan persatuan penulis, Kongres Cendekiawan Melayu, ahli bahasa dan perancang bahasa mengadakan pertemuan raksasa.

"Pertemuan seumpama itu perlu bagi membolehkan pihak terbabit berbincang

dari hati ke hati segala masalah, cabaran dan ancaman yang dihadapi oleh bahasa Melayu hari ini.

"Orang Melayu perlu berani mengadakan pertemuan raksasa ini sebelum keadaan bertambah buruk dan menjadi kacau-bilau," tegasnya.

(END)